

**SPR Sahkan Tiada Pilihan Raya Kecil Dun Johol  
Bernama  
4 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengesahkan bahawa pilihan raya kecil tidak akan diadakan biarpun berlaku kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Johol, Negeri Sembilan ekoran kematian penyandanganya, Datuk Roslan Md Yusof hari ini.

Timbalan Pengerusi SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata ini kerana Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan telah melepasi tempoh penggalnya selama tiga tahun, yang berakhir pada April lalu.

"Kita belum terima apa-apa daripada Speaker DUN Negeri Sembilan mengenai kekosongan kerusi DUN Johol. Bagaimanapun, jika ada kekosongan sekalipun pilihan raya kecil tidak akan diadakan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Wan Ahmad berkata sebarang kekosongan kerusi selepas tempoh itu hanya akan diisi pada pilihan raya umum akan datang.

Roslan, 58, meninggal dunia di Hospital Tunku Ampuan Najihah, Kuala Pilah kira-kira pukul 4.45 pagi ini, setelah dimasukkan ke hospital itu untuk menerima rawatan selepas mengadu sesak nafas, semalam.

Allahyarham Roslan, yang juga Naib Ketua Umno Bahagian Kuala Pilah, memenangi kerusi DUN itu selepas mengalahkan calon PAS, Kamarudin Md Tahir dengan majoriti 1,263 undi, pada pilihan raya umum 2008.

Sementara itu, di KUALA PILAH, Speaker DUN Negeri Sembilan Datuk Razak Mansor berkata beliau akan menyerahkan surat makluman kekosongan DUN Johol kepada SPR negeri, esok.

Razak berkata demikian ketika ditemui pemberita semasa menziarahi jenazah Allahyarham Roslan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617492>